



Buletin IKIM BULLETIN

Bil. 1/2017 • PERCUMA • JANUARI-MAC/2017 | Vol. 1/2017 • FREE • JANUARY-MARCH/2017

03-62046200

03-62046333

<http://www.ikim.gov.my>

<https://twitter.com/myikim>

<https://www.facebook.com/institutkefahamanislammalaysia>



**PERSIDANGAN ANTARABANGSA
“RELIGION & CIVILISATIONAL
SUSTAINABILITY (AGAMA &
KELESTARIAN PERADABAN)”**

**INTERNATIONAL CONFERENCE ON
“RELIGION & CIVILISATIONAL
SUSTAINABILITY”**

..... samb. halaman 3 / see page 3 ►►

**SEMINAR “CACASAN PERADABAN AL-QURAN”
SEMINAR ON “QURANIC VISION OF CIVILISATION”**

..... samb. halaman 6 / see page 6 ►►

**SIDANG MEDIA SEMPENA SAMBUTAN 25 TAHUN IKIM
PRESS CONFERENCE FOR IKIM’S 25TH ANNIVERSARY
CELEBRATIONS**

..... samb. halaman 7 / see page 7 ►►

Isi Kandungan Contents

Penasihat / Advisors

Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin
Ketua Pengarah/Director-General

Dr. Mohd. Zaidi Ismail
*Timbalan Ketua Pengarah/
Deputy Director-General*

Sidang Pengarang / Editorial Board

Zawiah Md. Sari
Muhammad Shafiq bin Borhannuddin
Wan Zahidah Wan Zainuddin
Hafizah Mohamed
Mohd Noor bin Musa

Penterjemah / Translator

Mastura Mohd. Zain

Penyunting / Editor

Zainora Abdul Ghani

Jurugambar / Photographer

Fathulmungin Mohd. Yusof

Edaran / Distribution

Wan Zahidah Wan Zainuddin
Fathulmungin Mohd. Yusof

Diterbitkan oleh / Published by

Unit Perhubungan Korporat
Institut Kefahaman Islam Malaysia
No. 2 Langgak Tunku
Off Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 Kuala Lumpur

Pencetak / Printer

Johan Interlink Sdn. Bhd.
32, Jalan TIB 1/19
Taman Industri Bolton
68100 Batu Caves
Selangor.

Buletin Januari-Mac 2017
January-March 2017 Bulletin

03-15 Program/Seminar / Programme/Seminar

- Persidangan Antarabangsa "Religion & Civilisational Sustainability (Agama & Kelestarian Peradaban)"
International Conference on "Religion & Civilisational Sustainability"
- Seminar "Gagasan Peradaban al-Quran"
Seminar on "Quranic Vision of Civilisation"
- Sidang Media Sempena Sambutan 25 Tahun IKIM
Press Conference on IKIM'S 25th Anniversary Celebrations
- Diskusi Meja Bulat Kumpulan Pelbagai Agama:
Kajian Inisiatif Foresight
*Round Table Discussion of Various Religious Groups:
Foresight Initiative Study*
- Muzakarah Pakar: Etika Pengubahsuaian Genetik Mikroalga
Expert Consultation: Genetic Modification Ethics on Microalgae
- Dialog Antara Agama "Tindak Balas Komuniti Agama Terhadap Bantuan Bencana"
Interfaith Dialogue On "Religious Communities Response Towards Disaster Relief"
- Karnival Ulangtahun IKIM Ke-25 /IKIM 25 Years Anniversary Carnival

16-18 Ceramah/Bengkel/Seminar / Talk/Workshop/Seminar

- Program Jr. Ecology Camp / Jr. Ecology Camp Programme
- Ceramah Perdana oleh Sheikh Dr. Umar Farouq Abdullah
Principal Lecture by Sheikh Dr. Umar Farouq Abdullah
- Perundingan Antarabangsa Tentang Demokrasi, Masyarakat Sivil dan Perlembagaan: "Perspektif Agama terhadap Demokrasi, Masyarakat Sivil dan Perlembagaan"
*International Consultation on Democracy, Civil Society and The Constitution:
"Religious Perspectives on Democracy, Civil Society and The Constitution"*

19-21 Aktiviti Semasa / Current Activities

- Majlis Perhimpunan Agensi-agensi di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri
Gathering of Agencies under the Minister in the Prime Minister's Department
- Taklimat Mengenai RUU / Briefing on RUU
- Dialog Harmoni antara Agama Sempena Sambutan Minggu Keharmonian antara Penganut Agama Sedunia (WIHW) 2017
Interfaith Harmony Dialogue in Conjunction with the Celebration of World Interfaith Harmony Week (WIHW) 2017
- Program Pergerakan Puteri Islam (PPIM)
Malaysian Puteri Islam (PPIM) Programme

23 Perantarabangsaan / Internationalisation

- Sesi Panel Pakar Mesyuarat Pertama Pegawai Kanan MOST-UNESCO
Expert Panel Session at the 1st MOST-UNESCO Senior Officials Meeting

24 Aktiviti Dalaman IKIM / IKIM Internal Activities

- Aktiviti Dalaman IKIM / IKIM Internal Activities

25-26 IKIM Di Media / IKIM In The Media

- Wawancara / Interview

27-29 IKIMfm / IKIMfm

- Tetamu Di IKIMfm/ Guests On IKIMfm

30-31 Lawatan & Kunjungan Hormat / Visits & Courtesy Calls

- Lawatan / Visits



▪ YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia menyampaikan ucapan perasmian di persidangan antarabangsa pada 20 Februari.

▪ *YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, the Prime Minister of Malaysia delivered a speech at the International Conference on 20 February.*

BUAT julung kalinya Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) menganjurkan Persidangan Antarabangsa "Religion and Civilisational Sustainability" dari 20–21 Februari di Dewan Besar IKIM bersempena dengan sambutan ulang tahun ke-25 IKIM. Persidangan antarabangsa ini amat bertepatan dengan situasi semasa yang memerlukan penyatuan kefahaman agama dan etika moral dengan pemikiran konvensional dalam menangani isu-isu penting yang menggugat kelestarian dan ketamadunan. Objektif utama persidangan ini adalah untuk memberi kefahaman dimensi agama dalam isu-isu sains dan sosial yang menyumbang kepada kelestarian peradaban. Persidangan ini juga amat penting dalam menyediakan platform strategik bagi saintis, golongan agama dan penggubal dasar untuk berdialog dan melibatkan diri dalam isu-isu kritikal berkaitan sains, agama dan pembangunan sosio-ekonomi yang merupakan pendekatan utama kerajaan dalam agenda transformasi nasional (TN50) ke arah kesejahteraan masyarakat dan pembentukan negara yang berdaya saing menjelang 2050.

Persidangan selama dua hari ini telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak. Beliau menegaskan kepentingan dialog antara sains dan agama, serta perlunya golongan agamawan untuk terlibat sama dalam pembangunan negara melalui TN50 sejajar dengan tuntutan Islam (*maqasid al-syari'ah*) yang diukur melalui Indeks Syari'ah Negara misalnya. YAB Perdana Menteri turut melihat peranan besar IKIM sebagai "thought leader" dalam memberi kefahaman Islam yang menyeluruh kepada semua lapisan masyarakat. Dalam ucapannya, Perdana Menteri berharap agar persidangan seumpama ini dapat dijadikan landasan kukuh dalam mencari idea-idea baharu ke arah penyatuan ummah dan negara bangsa yang majmuk, serta keharmonian kefahaman agama dengan pemikiran saintifik dalam menangani isu-isu penting yang menggugat kelestarian dan ketamadunan.

Menurut Ketua Pengarah IKIM, Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin, persidangan antarabangsa kali ini memberi tumpuan khusus terhadap tema sambutan 25 tahun IKIM iaitu kelestarian dan peradaban yang berhubung rapat dengan gagasan IKIM—Memahami Islam Membina



▪ YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak turut dibawa melawat ruang pameran IKIM.

▪ *YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak also visited IKIM exhibits.*

Peradaban itu sendiri, dan Islam sebagai *ad-deen* atau *total way of life*. Hasil perbincangan dan pemuaafakatan daripada persidangan selama dua hari ini amat penting dan relevan kepada para ilmuwan dan juga umat Islam, khususnya dalam menggalakkan persefahaman bersama antara rakyat Malaysia yang berlainan budaya/agama dalam memahami hubungan antara nilai dan pembangunan yang lestari.

Persidangan ini mengumpulkan pakar-pakar dari bidang sains dan sosial dalam dan luar negara, antaranya dari Bahrain, Arab Saudi, Afrika Selatan, Kuwait dan Amerika Syarikat. Sebanyak lapan kertas kerja dibentangkan merangkumi dua sesi ucaptama dan tiga sesi pembentangan melibatkan tema sains, kesihatan dan ekonomi. Perbincangan berkisar berkenaan konsep pembangunan lestari menurut perspektif Islam, pendidikan agama dan sumbangannya terhadap kelestarian peradaban, etika kesihatan dan rawatan pencegahan dari aspek perubatan yang menyeluruh, serta peranan waqaf ke arah pembangunan ekonomi negara yang mapan.

Empat (4) buah buku dan rekabentuk logo baharu penerbitan karya asli oleh Penerbit IKIM turut dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri. Salah satu buku yang dilancarkan iaitu *Science for Sustainable Development: Islamic and Interfaith Perspectives (Sains untuk Kelestarian Pembangunan: Perspektif Islam dan Rentas Agama)* mengupas prinsip dan pendekatan Islam (*ad-deen*) dalam pembangunan lestari, merangkumi konsep dan tadbir urus serta peranan bidang ekonomi dan etika sebagai asas kritisik ke arah pembangunan yang mapan. Dalam majlis itu juga, YAB Perdana Menteri turut melancarkan buku *IKIM & Alam Sekitar: 25 Tahun Menghijau Minda* yang mendokumentasikan sumbangan IKIM dalam memberi kefahaman Islam dan kesedaran kepada masyarakat tentang aspek penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar. Buku tersebut juga memaparkan semua aktiviti dan penglibatan IKIM dalam memperjuangkan isu-isu berkenaan alam sekitar sejak awal penubuhannya dari tahun 1992 sehingga kini. Buku-buku lain yang turut dilancarkan ialah *Islam and the New Era of ASEAN (Islam dan Era Baharu ASEAN)* dan *Kecelaan Tipu Daya* iaitu terjemahan dari *Kitab Dhamm Al-Ghurur* nukilan Imam Al-Ghazali.

INTERNATIONAL CONFERENCE ON "RELIGION & CIVILISATIONAL SUSTAINABILITY"

FOR the first time, the Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM) organised the International Conference on "Religion and Civilisational Sustainability" from 20–21 February at IKIM Grand Hall in conjunction with its 25th anniversary celebration. The international conference is in accordance with the current situation which requires a consolidation of understanding of religion and moral ethics with conventional thinking in dealing with important issues that threaten sustainability and civilisation. The main objective of the conference is to provide understanding of religious dimensions in science and social issues which contribute to sustainability of civilisation. The conference is also important in providing strategic platforms for scientists, religious groups and policy-makers to conduct dialogues and engage in critical issues regarding science, religion and socio-economic development which is the main approach taken by the government in the National Transformation Agenda (TN50) towards community welfare and the creation of a competitive nation by 2050.



- Prof. Dr. Omar Hasan K. Kasule, dari Fakulti Perubatan, King Fahad Medical City, Arab Saudi (kiri), Dr. Mohd. Farid Shahran, Pengarah Pusat SYARAK dan Dr. Mohd. Shaikh Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh semasa sesi pembentangan.

- Prof. Dr. Omar Hasan K. Kasule, from the Faculty of Medicine, King Fahad Medical City, Saudi Arabia (left), Dr. Mohd. Farid Shahran, Director of SYARAK Centre and Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh during the presentation session.

The two-day conference was officiated by YAB the Prime Minister of Malaysia, Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak. He emphasised the importance of dialogue between science and religion, as well as the need for religious groups to be involved in the development of the country through TN50 in line with Islamic requirements (*maqasid al-shari'ah*) as measured by the Shari'ah Index. The YAB Prime Minister also saw the role of IKIM as a "thought leader" in providing comprehensive understanding of Islam for all levels of society. In his speech, the Prime Minister hoped that such a conference would be a solid foundation in finding new ideas towards the unity of the ummah and pluralistic nation, as well as harmonious religious understanding with scientific thinking in addressing crucial issues that threatened sustainability and civilisation.

According to IKIM Director-General, Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin, the International Conference this time focused specifically on IKIM's 25th anniversary theme that is sustainability and civilisation which are closely linked to IKIM's ethos—Understand Islam Build Civilisation, and Islam as an ad-deen or total way of life. The output derived from the discussions and consensus from the two-day conference is very important and relevant to scholars as well as Muslims, especially in promoting mutual understanding amongst Malaysians of different cultures/religions in understanding the relationship between values and sustainable development.

The conference gathered experts from both fields of science and social locally and internationally, among them from Bahrain, Saudi Arabia, South Africa, Kuwait and the United States. A total of eight working papers were presented covering two keynote addresses and three presentation sessions on science, health and economic themes. Discussions revolved around the concept of sustainable development based on Islamic perspectives, religious education and its contribution to the sustainability



- Salah seorang peserta bertanyakan soalan.
- One of the participants posed a question.

of civilisation, health ethics and preventive cure from a comprehensive medical aspect, as well as the role of waqf towards sustainable economic development of the country.

Four books and a new logo design of original work published by IKIM Press were also launched by YAB Prime Minister. One of the books launched was Science and Sustainable Development: Islamic and Interfaith Perspectives, which discusses the principles and Islamic approach (ad-deen) in sustainable development, including the concept and governance as well as the role of economics and ethics as a critical foundation for sustainable development. The YAB Prime Minister also launched the book IKIM & Alam Sekitar: 25 Tahun Menghijau Minda (IKIM & The Environment: 25 Years of Greening the Mind) which documents IKIM's contribution in providing the Islamic understanding and awareness to the public on environmental conservation and protection. The book also features all of IKIM's activities and involvement in championing environmental issues since its inception in 1992 until the present. Other books launched include Islam and the New Era of ASEAN and Kecelaan Tipu Daya (The Flaws of Deception) which is the translation of Kitab Dhamm Al-Ghurur by Imam Al-Ghazali.



■ Dr. Eric Winkel, Penyelidik dan Penterjemah manuskrip Arab dari Amerika Syarikat (kanan), Dr. Mohd. Zaidi Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM dan Prof. Dr. Odeh Rashed Al-Jayyoussi, Ketua Pengurusan Teknologi dan Inovasi, Universiti Arabian Gulf, Bahrain.

■ Dr. Eric Winkel, Researcher and Arabic manuscript Translator from the United States (right), Dr. Mohd. Zaidi Ismail, IKIM Deputy Director-General and Prof. Dr. Odeh Rashed Al-Jayyoussi, Head of Technology and Innovation Management, Arabian Gulf University, Bahrain.



- Antara tetamu VIP yang hadir.
- Among the VIPs present.



- Cik Wan Roslili Majid, Fellow Pusat SYARAK menyampaikan kertas kerja bertajuk "Suri Teladan Wanita Qur'ani".
- Ms. Wan Roslili Majid, SYARAK Centre Fellow presented a paper titled "Women in the Quran as Role Models".

SEMINAR “GAGASAN PERADABAN AL-QURAN”

INSTITUT Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan & Jabatan Mufti Negeri Sembilan telah mengadakan Seminar “Gagasan Peradaban AL-Quran” 28 Februari–1 Mac 2017 di Pusat Dakwah Islam, Paroi, Negeri Sembilan.

Tujuan seminar ini diadakan adalah untuk menzahirkan gagasan utama pemikiran peradaban Al-Quran yang telah melahirkan tamadun Islam yang luhur dalam sejarah manusia. Antara objektif utama seminar ini ialah memperlihat sifat alamiah (universality) gagasan pemikiran yang dianjurkan oleh al-Quran, selain mengungkap kembali gagasan-gagasan utama al-Quran dan menghuraikan peranannya dalam pembinaan peradaban. Selain itu ia juga menggariskan manhaj yang benar dalam pengkajian al-Quran serta contoh-contoh bagaimana prinsip-prinsip al-Quran membantu dalam memahami dan menyelesaikan pemasalahan semasa.

Tn. Hj. Nor Azamir Hj. Alias, Timbalan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan dan Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin, Ketua Pengarah IKIM, telah menyampaikan ucapan alu-aluan manakala Dato' Tuan Selamat bin Paigo, Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) telah menyampaikan ucapan perasmian penutup.



- Sebahagian peserta yang hadir di Pusat Dakwah Islam, Paroi, Negeri Sembilan.

▪ Participants at the Islamic Dakwah Centre, Paroi, Negeri Sembilan.

SEMINAR ON “QURANIC VISION OF CIVILISATION”

THE Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM) in collaboration with the Negeri Sembilan Islamic Affairs Department & Negeri Sembilan Mufti Department held a seminar on “Quranic Civilisational Inspiration” on 28 February–1 March 2017 at the Islamic Dakwah Centre, Paroi, Negeri Sembilan.

The purpose of the seminar was to express civilisational inspirations of the Quran which have produced a noble Islamic civilisation in human history. Among the main objectives of the seminar is to show the universality of the idea organised by the Quran, as well as to unfold the main ideas of the Quran and elaborate its role in building civilisation. In addition, it outlines the correct method in studying the Quran and examples of how Quranic principles help in understanding and solving current problems.

Tn. Hj. Nor Azamir Hj. Alias, State Deputy Mufti of Negeri Sembilan and Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin, IKIM Director-General, delivered the welcoming speech while Dato' Tuan Selamat bin Paigo, Director, Department of Islamic Affairs Negeri Sembilan (JHEANS) delivered the closing speech.

SIDANG MEDIA SEMPENA SAMBUTAN 25 TAHUN IKIM

GENAP usia 25 tahun IKIM pada 18 Februari 2017 bersamaan 21 Jamadilawal 1438H, satu sidang media telah diadakan pada 12 Januari 2017. Tujuan sidang media diadakan adalah untuk mewarwarkan pelbagai program yang telah dirancang sempena sambutan 25 tahun IKIM.

IKIM ditubuhkan pada 18 Februari 1992 bersamaan 14 Sya'ban 1412H di bawah Akta Syarikat 1965 dengan tujuan utama untuk memberi kefahaman Islam yang tepat melalui pelbagai program dan aktiviti seperti penyelidikan, seminar, bengkel, forum, perundingan, latihan dan penerbitan. Di antara objektif utama penubuhan IKIM adalah memberi kefahaman Islam untuk menjalankan penyelidikan dan perundingan sudut pandangan kerohanian, di samping menyediakan satu forum bagi sarjana Islam dan bukan Islam untuk berbincang dan menganalisis pelbagai isu untuk mewujudkan kesedaran dan kefahaman yang mendalam mengenai isu-isu semasa serta menjadi sumber maklumat kepada umat Islam dan bukan Islam di peringkat nasional dan global.

Sebagai pembuka tirai, satu seminar antarabangsa bertajuk "Religion and Civilisational Sustainability (Agama dan Kelestarian peradaban)" diadakan pada 20–21 Februari 2017. Sebanyak 27 program telah diatur sepanjang tahun ini dan IKIM juga akan melancarkan beberapa judul terbitan baharu. Manakala untuk meraikan para pendengar IKIMfm yang kini berjumlah lebih 1 juta, penonton tvIKIM serta para peserta, penyumbang di program-program IKIM, satu karnival diadakan pada 31 Mac hingga 2 April. Sepanjang tahun 2017 ini, satu logo khas sempena 25 tahun ini digunakan untuk urusan rasmi dan juga untuk sebarang hebahan. Penyampaian hadiah turut diadakan kepada pemenang pencipta logo khas 25 tahun IKIM iaitu En. Muhammad Shafawi bin Hamzah dan Tn. Hj. Mohamad Rohaizad bin Hj. Mohamad Rasid.



- Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin, Ketua Pengarah IKIM dan Dr. Mohd. Zaidi Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM semasa sidang media berlangsung.
- *Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin, IKIM Director-General and Dr. Mohd. Zaidi Ismail, IKIM Deputy Director-General during a press conference.*

PRESS CONFERENCE ON IKIM'S 25TH ANNIVERSARY CELEBRATIONS

IKIM was exactly 25 years on 18 February 2017 agreeing with 21 Jamadilawal 1438H; and a press conference was held on 12 January 2017. The purpose of the press conference was to announce various programmes planned in conjunction with the 25 years of IKIM.

IKIM was established on 18 February 1992 agreeing with 14 Sya'ban 1412H under the Companies Act 1965 with the ultimate aim of providing accurate Islamic understanding through various programmes and activities such as research, seminars, workshops, forums, consultancies, training and publications. Among the main objectives of the establishment of IKIM are to provide understanding of Islam in research and consultancy from the spiritual point of view, as well as to provide a forum for Muslim and non-Muslim scholars to discuss and analyse various issues in order to create deep awareness and understanding of current issues and become a source of information to Muslims and non-Muslims at the national and global levels.

As a start, an international seminar titled "Religion and Civilisational Sustainability" was held on 20–21 February 2017. A total of 27 programmes have been arranged this year and IKIM will also be launching several new publications. To celebrate IKIMfm's more than 1 million listeners, tvIKIM's audience and participants, contributors to IKIM's programmes, a carnival was held from 31 March to 2 April. Throughout 2017, a special logo in conjunction with its 25th anniversary is used for official purposes and announcements. Prizes were also given to the winners of IKIM's 25 years special logo, who are Mr. Muhammad Shafawi bin Hamzah and Mr. Hj. Mohamad Rohaizad bin Hj. Mohamad Rasid.



▪ Tn. Hj. Mohamad Rohaizad Hj. Mohamad Rasid (kiri) dan En. Muhammad Shafawi Hamzah (kanan) bersama-sama Datuk Dr. Azizan Baharuddin menunjukkan logo rasmi 25 tahun IKIM.

▪ *Tn. Hj. Mohamad Rohaizad Hj. Mohamad Rasid (left) and En. Muhammad Shafawi Hamzah (right) with Datuk Dr. Azizan Baharuddin showing the IKIM 25 years official logo.*

DISKUSI MEJA BULAT KUMPULAN PELBAGAI AGAMA: KAJIAN INISIATIF FORESIGHT

KIM dengan kerjasama Akademi Sains Malaysia (ASM) telah menganjurkan program Diskusi Meja Bulat Wakil Pelbagai Agama pada 23 Januari di Dewan Besar IKIM. Program ini bertujuan untuk mendapatkan input dan maklumbalas mengenai hasil dapatan Kajian Inisiatif Foresight yang telah dilaksanakan pada tahun 2015–2017. Kajian ini diterajui oleh ASM dan dijalankan melalui kerjasama strategik dengan ahli Perikatan Foresight iaitu Institute of myForesight MIGHT, Kumpulan Ekonomi dan Kewangan Universiti Malaya, Institute of Strategic & International Studies (ISIS), Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI), Institut Penyelidikan Belia Malaysia (IYRES) dan IKIM sendiri. Inisiatif Foresight ini merupakan satu kajian yang merangkumi latihan perancangan strategik jangka masa panjang untuk melihat ciri-ciri masyarakat Malaysia di masa hadapan. Inisiatif ini mengambil kira empat komponen iaitu ekonomi dan kewangan, geopolitik, masyarakat dan budaya serta sains dan teknologi. Peranan IKIM dalam menyebarluaskan kefahaman Islam yang benar bagi tujuan membina peradaban menjadikan IKIM sebagai badan yang paling sesuai untuk melaksanakan program diskusi ini.

Objektif utama program ini adalah untuk mendapatkan pandangan dan buah fikiran daripada wakil pelbagai agama berkaitan isu-isu pembentukan komuniti pintar di Malaysia di masa hadapan. Ianya dilihat dari aspek kerohanian, kebudayaan, kejiwaan serta kepelbagaiannya agama dan masyarakat yang berhadapan dengan cabaran pembangunan pesat sains dan teknologi. Selain daripada itu, diskusi ini juga diharapkan dapat memperkuatkan jaringan antara agensi kerajaan melalui kerjasama Strategi Lautan Biru Nasional (NBOS).



- Profesor Emeritus Datuk Dr. Mazlan Othman, Pengurus Bersama Perikatan Foresight ASM telah membentangkan rumusan hasil kajian Inisiatif Foresight.

- *Professor Emeritus Datuk Dr. Mazlan Othman, Joint Chairman of the ASM Foresight Alliance presented the findings of the Foresight Initiative study.*

ROUND TABLE DISCUSSION OF VARIOUS RELIGIOUS GROUPS: FORESIGHT INITIATIVE STUDY

KIM in collaboration with the Academy of Science Malaysia (ASM) organised a Round Table Discussion with Representatives of Various Religious Groups on 23 January at IKIM Grand Hall. The programme was to obtain input and feedback on the findings of the Foresight Initiative Study implemented in 2015–2017. The study is led by ASM and conducted through strategic cooperation with members of the Foresight Alliance, that is the Institute of myForesight MIGHT, University of Malaya Economics and Finance Group, Institute of Strategic & International Studies (ISIS), Malaysian Integrity Institute (INTEGRITI), Malaysian Youth Research Institute (IYRES) and IKIM. The initiative by Foresight is a study which includes long-term strategic training plan to look at the characteristics of Malaysian society in the future. This initiative takes into account four components: economics and finance, geopolitics, society and culture, science and technology. The role of IKIM in spreading the true understanding of Islam for the purpose of building civilisation makes IKIM the most suitable body to carry out this discussion programme.

The main objective of the programme is to gain views and thoughts from representatives of different religions on issues regarding the formation of smart community in Malaysia in the future. It is seen from the spiritual, cultural, psychological and diversity of religions and societies in facing the challenges of rapid development in science and technology. In addition, it is hoped that this discussion can strengthen the networking among government agencies through the cooperation of the National Blue Ocean Strategy (NBOS).



- Para peserta diskusi meja bulat kumpulan pelbagai agama.

- *The participants of the round table discussion comprising various religious groups.*

MUZAKARAH PAKAR: ETIKA PENGUBAHSUAIAN GENETIK PADA MIKROALGA

BUAT julung kalinya Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan kerjasama TNB Research Sdn Bhd telah menganjurkan satu muzakarah pakar pada 9 Mac yang mensasarkan kepada topik mikroalga untuk tujuan Pengumpulan dan Penyimpanan Karbon atau Carbon Capture and Storage (CCS) dan juga Pengumpulan dan Penggunaan Karbon atau Carbon Capture Utilisation (CCU) yang sudah lama diguna pakai oleh negara-negara maju sejak tahun 2000.

Matlamat muzakarah ini adalah mewujudkan kefahaman Islami mengenai isu pengubahsuaian genetik dan penilaian risiko alam sekitar di samping dapat memberikan input dasar-dasar dan pembentukan prosedur kendalian kepada pihak-

pihak yang terlibat dalam perlaksanaan CCS/CCU dan juga industri berdasarkan bioteknologi di Malaysia.

Objektif muzakarah ini adalah memahami apakah yang dimaksudkan dengan CCS dan CCU di samping mengetahui apakah kesan mikroalga ini kepada alam sekitar, selain mengenal pasti isu-isu agama, metafizik, etika, sains, hukum-hakam, perundangan dan batas-batas guna-pakai berkaitan pengubahsuaian genetik mikroalga dalam konteks tempatan dan luar negara. Muzakarah ini juga diharap dapat menjadi platform bagi mewujudkan kefahaman Islam mengenai isu pengubahsuaian genetik sekaligus memberikan input kepada industri berdasarkan bioteknologi di Malaysia.



▪ **Barisan ahli panel (dari kiri):**

- Dr. Norwati Adnan, Ahli Majlis Bioetika Negara dan Pengarah (Seksyen Penilaian dan Penyelidikan), Jabatan Biokeselamatan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), En. Muhammad Nazry Chik, Penyelidik Utama, Teknologi Pengurusan Pemancaran dan Sisa Buangan, TNB Research Sdn. Bhd. (TNBR), Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh, Pengarah Pusat KIAS, Dr. Mohd. Zaidi Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM, selaku moderator, Dr. Mohd Razif Harun, Penyelaras Akademik, Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Alam Sekitar, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Dr. Zul Ilham Zulkiflee Lubes, Pensyarah Kanan, Institut Sains Biologi, Fakulti Sains, Universiti Malaya (UM).

▪ **Panelists (from left):**

- Dr. Norwati Adnan, Member of the National Council of Bioethics and Director (Evaluation and Research Section), Biosafety Department, Ministry of Natural Resources and Environment, Mr. Muhammad Nazry Chik, Principal Researcher, Transmission and Waste Management Technology , TNB Research Sdn. Bhd. (TNBR), Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh, KIAS Centre Director, Dr. Mohd. Zaidi Ismail, IKIM Deputy Director-General, as moderator, Dr. Mohd Razif Harun, Academic Coordinator, Department of Chemical and Environmental Engineering, Faculty of Engineering, Putra University Malaysia (UPM) and Dr. Zul Ilham Zulkiflee Lubes, Senior Lecturer, Institute of Biological Science, Faculty of Science, University of Malaya (UM).



- Salah seorang peserta bertanyakan soalan kepada ahli panel.
- One of the participants posed a question to the panelists.

EXPERT CONSULTATION: GENETIC MODIFICATION ETHICS ON MICROALGAE

FOR the first time, the Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM) in collaboration with TNB Research Sdn Bhd organised an expert consultation on 9 March which focused on the topic microalgae for the purpose of Carbon Capture and Storage (CCS) and Carbon Capture Utilisation (CCU) that have long been adopted by developed countries since 2000.

The aim of the consultation was to create understanding of Islam on the issue of genetic modification and environmental risk assessment as well as to provide policy inputs and the establishment of operational procedures

to parties involved in the implementation of CCS/CCU and biotechnology-based industries in Malaysia.

The purpose of the consultation was to understand the meaning of CCS and CCU and to know the effects of microalgae on the environment, apart from identifying religious issues, metaphysics, ethics, science, laws and regulations, legal issues and restrictions related to usage of microalgae genetic modification in local and foreign context. It is hoped that the consultation can be a platform to create understanding of Islam on genetic modification as well as providing input to biotechnology-based industries in Malaysia.

DIALOG ANTARA AGAMA “TINDAK BALAS KOMUNITI AGAMA TERHADAP BANTUAN BENCANA”

INSTITUT Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) telah menganjurkan Dialog Antara Agama “Tindak Balas Komuniti Agama Terhadap Bantuan Bencana” pada 28 Mac.

Objektif program ini adalah bagi memahami kekuatan setiap komuniti agama di Malaysia dalam memberikan bantuan semasa bencana selain daripada membincangkan kekangan yang mereka hadapi dan bagaimana kekangan boleh di atasi. Disamping itu, ia juga membantu dalam mengutarakan cadangan dasar untuk meningkatkan penglibatan komuniti agama terutama dalam keseluruhan kerangka pengurusan bencana negara.

Penyertaan daripada pelbagai wakil NGO, sukarelawan/sukarelawati, agensi kerajaan berkaitan dan wakil-wakil media seperti Islamic Aid Malaysia, Pertubuhan Belia Sikh Malaysia, Kairos Dialogue Network, Malaysian Youth Council dan Majlis Perundangan Malaysia Agama Buddha, Hindu, Sikh dan Tao membantu program dialog ini mencapai objektifnya.

Melihat situasi di Malaysia, komuniti agama telah memainkan peranan yang besar dalam memberikan pelbagai bantuan sebelum, semasa dan selepas bencana, terutama dalam tempoh masa 72 jam selepas bencana berlaku tetapi tidak banyak usaha yang dijalankan untuk mendokumentasikan peranan tersebut. Oleh itu, dialog yang dianjurkan IKIM dilihat sebagai satu usaha dalam memahami peranan individu, organisasi dalam memberikan bantuan bencana dan seterusnya dalam kerangka pengurusan bencana negara secara keseluruhan.



- YBhg. Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin, Ketua Pengarah IKIM menyampaikan ucapan aluan.

- *YBhg. Prof. Dr. Azizan Baharuddin, IKIM Director-General delivered the welcoming speech.*

INTERFAITH DIALOGUE ON “RELIGIOUS COMMUNITIES RESPONSE TOWARDS DISASTER RELIEF”

THE Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM) organised the Interfaith Dialogue on “Religious Community Response towards Disaster Relief” on 28 March.

The objective of the programme was to understand the strength of every religious community in Malaysia in providing assistance during disaster and the constraints faced and how to overcome them. In addition, it also helped in posing policy recommendations to enhance the involvement of religious communities, especially in the overall disaster management framework.

Participation from various NGO representatives, volunteers, related government agencies and media representatives such as Islamic Aid Malaysia, Malaysian Youth Sikh Society, Kairos Dialogue Network, Malaysian Youth Council and Malaysian Buddhist Hindu, Sikh and Tao Legislative Council, also helped this dialogue programme to achieve its objectives.

In Malaysia, religious communities play a great role in providing various assistance before, during and after a disaster, especially within 72 hours after it struck; however not much effort has been made in documenting the role. Hence, the dialogue organised by IKIM is seen as an effort to understand the role of individuals, organisations in providing disaster relief and subsequently the overall disaster management framework.



- Sebahagian peserta yang hadir.
- *Several of the participants who were present.*



- Antara tetamu jemputan khas yang hadir semasa majlis perasmian.
- Among the special guests who were present during the inauguration ceremony.



- Tun Abdullah Hj Ahmad Badawi, Pengurus IKIM telah merasmikan Karnival Ulangtahun IKIM ke-25 pada 31 Mac.
- Tun Abdullah Hj Ahmad Badawi, IKIM Chairman inaugurated IKIM's 25th Anniversary Carnival on 31 March.

KARNIVAL ULANGTAHUN IKIM KE-25

SEMPENA menyambut ulang tahun penubuhan IKIM ke-25, satu karnival telah diadakan pada 31 Mac hingga 2 April dari jam 9 pagi hingga 11 malam di IKIM. Karnival telah dirasmikan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi, Pengurus IKIM. Pelbagai acara telah diadakan dengan objektifnya mendekatkan IKIM kepada masyarakat. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan untuk para pengunjung karnival dan juga pendengar setia radio IKIM di mana mereka telah didedahkan dengan program di IKIMfm dan tvIKIM yang dibawakan secara langsung dari konti ke pentas. Mereka yang selama ini hanya mendengar karnival tersebut di radio mereka boleh melihat bagaimana program tersebut dikendalikan.

IKIM yang telah ditubuhkan pada 18 Februari 1992 bertujuan meningkatkan kefahaman Islam dari pelbagai sudut ilmu untuk orang Islam dan bukan Islam. Pameran dan tayangan video yang menunjukkan perjalanan IKIM selama 25 tahun ini, dipaparkan selama tiga hari pengajuran karnival tersebut. Pengajuran karnival ini merupakan penghargaan dan pendorong kepada warga IKIM yang banyak menyumbang untuk kejayaan institusi serta tanda terima kasih terhadap sokongan masyarakat kepada program-program anjuran IKIM, IKIMfm dan tvIKIM.

Turut diadakan semasa majlis pelancaran karnival ulang tahun ke-25 IKIM adalah pelancaran lima buah buku terbitan IKIM iaitu *IKIM 25 Tahun Memupuk Kefahaman, Challenging Issues for Science and Technology In Malaysia*:

IKIM 25 YEARS ANNIVERSARY CARNIVAL

In conjunction with IKIM's 25th anniversary celebrations, a carnival was held from 31 March until 2 April from 9 am until 11 pm at IKIM. The carnival was launched by Tun Abdullah Ahmad Badawi, IKIM Chairman. Various events were held with the objective of getting IKIM closer to the community. Many interesting activities were held for carnival visitors and also loyal IKIMfm listeners who were exposed to IKIMfm and tvIKIM programmes which were brought to them live from the conti to the stage. For those who had only been listening to the radio were able then to see how the programme was conducted.

Established on 18 February 1992, IKIM aims at increasing the understanding of Islam from various angles of knowledge for Muslims and non-Muslims alike. An exhibition and a video showcasing IKIM's 25-year journey was screened for three days throughout the carnival. The carnival was organised to show appreciation and also motivation to the IKIM workforce who had contributed immensely to the success of the institution and a way of thanking the public for their support programmes organised by IKIM, IKIMfm and tvIKIM.

During the inauguration ceremony of IKIM's 25th anniversary carnival, five IKIM publications were launched. The books are, IKIM 25 Years of Nurturing Understanding, Challenging Issues for Science and Technology in Malaysia: An

An Overview, Kenapa Islam: Menyanggah Pegangan Kaum Pluralis, Lasik Untuk Jiwa dan Segelas Air Segenggam Kopi.

Memeriahkan lagi karnival tersebut, turut diadakan Maulid@IKIM bersama moderator Faiz Hj Othman dan Tausiyah oleh Dr. Mohd. Farid Mohd Shahran, serta Ustaz Iqbal Zain Al-Jauhari. Turut sama ialah kumpulan Qasidah Ar-Rayyan, Afad (Kumpulan Raihan) dan Azwan (Kumpulan Far East) yang telah memeriahkan program maulid yang turut disiarkan secara langsung di IKIMfm dan tvIKIM.

Kemuncak karnival sambutan 25 tahun IKIM ini telah diadakan Konsert Ulang tahun ke-25 IKIM yang disiarkan secara langsung di IKIMfm dan tvIKIM. Antara artis yang turut membuat persembahan pada malam tersebut ialah Daqmie, Caliph Buskers, Rabbani dan Inteam.

Overview, Why Islam: Contradicting The Pluralist Conviction, Lasic for the Soul and A Glass of Water and a Handful of Coffee.

To enliven the carnival, Maulid@IKIM was held with moderator, Faiz Hj Othman, and Tausiyah by Dr. Mohd Farid Mohd Shahran, and Ustaz Iqbal Zain Al-Jauhari. The Qasidah group, Ar-Rayyan, Afad (of Raihan Group) and Azwan (of Far East Group) were also present in the maulid programme which was aired live on IKIMfm and tvIKIM.

